

1983

KULAI, 29 APRIL (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS NEGARA-NEGARA MAJU KERANA MELANCARKAN KEMPEN UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN MALAYSIA DENGAN DAKYAH YANG DISEBARKAN MELALUI MAJALLAH-MAJALLAH ANTARABANGSA.

NEGARA-NEGARA TERSEBUT IRI HATI DENGAN KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN KE-9 UMNO BAHAGIAN RENGAM DI SINI.

KETIKA NEGARA-NEGARA MAJU MENGHADAPI KEMEROSOTAN EKONOMI, MALAYSIA MENCAPI KEMAJUAN LUAR BIASA, KATANYA.

EKONOMINYA TETAP BERKEMBANG MESKIPUN IA MENGHADAPI KESULITAN UNTUK MEMASARKAN BARANGAN KELUARAN UTAMA SEPERTI GETAH, TIMAH DAN LADA, TAMBAH BELIAU.

KERANA TIDAK SENANG HATI DENGAN KEMAJUAN YANG DICAPAI DI NEGARA INI, NEGARA-NEGARA TERSEBUT MELALUI MAJALLAH-MAJALLAH ANTARABANGSA MENYEBARKAN BERBAGAI DAKYAH UNTUK MEMBURUK-MEMBURUKAN NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI 1302/OM

## MAHATHIR 2 KULAI 'R'R'R

BELIAU BERKATA MAJALLAH-MAJALLAH TERSEBUT MEMBERI GAMBARAN SEOLAH-OLAH KEADAAN DI NEGARA INI TIDAK BEGITU BAIK DARIPADA YANG DILIHAT.

MEREKA MENDAKWA PARA PEMIMPIN POLITIK SERING BERCANGGAH TERUTAMA DALAM SOAL DASAR PANDANG KETIMUR YANG DIAMALKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG.

GAMBARAN YANG DIBERIKAN SEOLAH-OLAH SEORANG SAHAJA PEMIMPIN DI NEGARA INI YANG +TERGILA-GILAKAN+ DENGAN DASAR TERSEBUT SEMEN-TARA PARA PEMIMPIN LAIN MENOLAKNYA.

SASARAN MEREKA IALAH UNTUK MENGGAGALKAN DASAR PANDANG KE TIMUR ITU, KATANYA.

+MEREKA TIDAK SENANG HATI KERANA MEREKA AKAN MENGALAMI KERUGIAN DARI SEGI EKONOMI DAN PENGARUH,+ TAMBAHNYA.

PIHAK-PIHAK ASING ITU CUBA MEMPENGARUHI RAKYAT NEGARA INI BAHAWA DASAR TERSEBUT TIDAK SESUAI TERUTAMA UNTUK ORANG-ORANG MELAYU DAN MENGGAMBARAKAN ORANG-MELAYU TIDAK DAPAT BEKERJA KUAT SEPERTI ORANG JEPUN KERANA MALAS. KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI 1345/OM

ZCZC B557:

## MAHATHIR 3 KULAI 'R'R'R

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENYERU PARA ANGGOTA PARTI DAN RAKYAT SELURUHNYA SUPAYA TIDAK TERPEDAYA DENGAN DAKYAH TERSEBUT.

MENURUTNYA ADA DIANTARA RAKYAT YANG SUDAH TERPERANGKAP DENGAN DAKYAH DAN +SUARA-SUARA+ DARI LUAR NEGERI ITU.

BELIAU MENEGASKAN SEJAK NEGARA INI MENCAPI KEMERDEKAAN KIRA-KIRA 26 TAHUN LALU, IA MEMBANGUN DENGAN PESAT DAN DILUAR DUGAAN NEGARA YANG MENJAJAHNYA DULU.

RAKYAT DARI BERBILANG KAUM DAN FAHAMAN POLITIK BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA INI SEBAGAI NEGARA YANG AMAN, DAMAI DAN MAKMUR.

NILAI RINGGIT SEMAKIN KUKUH BERBANDING DENGAN MATAWANG NEGARA-NEGARA MAJU. BERBANDING DENGAN POUND STERLING SAJA JIKA NILAINYA \$5.30 BEBERAPA TAHUN LALU KINI HANYA \$3.60, KATANYA.

NEGARA-NEGARA MAJU TERSEBUT KECEWA KERANA MEREKA MENDUGA MALAYSIA AKAN HANCUR SELEPAS MENCAPI KEMERDEKAAN TETAPI APA YANG BERLAKU ADALAH SEBALIKNYA. -- LAGI 1350/OM

MAHATHIR 4 KULAI R'R'R'

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELANJUTNYA MENGINGATKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA TERSEBUT TIDAK AKAN BERPUTUS ASA, SEBALIKNYA AKAN MENERUSKAN USAHA +UNTUK MENENTUKAN MALAYSIA INI AKAN ROBOH.+

USAHA MEREKA ITU MUNGKIN AKAN BERJAYA JIKA MEREKA DAPAT MENYEMAI PERASAAN KERAGUAN DI KALANGAN PARA PEMIMPIN PARTI UMNO, KATANYA.

PERTELINGKAHAN MENGENAI DASAR KERAJAAN DI KALANGAN PARA PEMIMPIN UMNO AKAN MELEMAHKAN UMNO SETERUSNYA BARISAN NASIONAL DAN SETERUSNYA MELEMAHKAN PENTADBIRAN NEGARA.

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA NEGARA-NEGARA ITU +MEMPUNYAI DENDAM PERPANJANGAN+ AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MENGHANCURKAN NEGARA INI JIKA RAKYAT TIDAK BERHATI-HATI.

BELIAU SELANJUTNYA MEMUJI KEUTUHAN UMNO DAN BARISAN NASIONAL JOHOR.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENASIHATKAN PARA PENYOKONG PARTI SUPAYA TIDAK KHAYAL DENGAN KEJAYAAN DI MASA LALU, SEBALIKNYA MENUMPUKAN PERHATIAN BAGI KEMAJUAN DI MASA DEPAN.

TURUT HADIR DI MAJLIS TERSEBUT IALAH MENTERI BESAR DATUK ABDUL AJIB AHMAD SERTA PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL JOHOR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH ISTERINYA DATIN DR. SITI HASMAH KEMUDIANNYA BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR.

-- BERNAMA 1404/LK